



KENYATAAN MEDIA

SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19

DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

8 Rabiulakhir 1442 / 24 November 2020

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, Selasa, 8 Rabiulakhir 1442H bersamaan dengan 24 November 2020, **satu kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan di negara ini yang membawa **jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kepada 150 orang.**
 - Kes 150 ialah seorang lelaki berumur 37 tahun yang tiba ke Negara Brunei Darussalam dari Mesir melalui Kuala Lumpur pada 13 November 2020 dengan menaiki penerbangan Diraja Brunei BI874. Beliau tidak mempunyai sebarang tanda-tanda jangkitan dan pada masa ini, berada di Pusat Pengasingan Kebangsaan bagi pemantauan dan rawatan. Pengesanan kontak (*contact tracing*) telah mengenalpasti lima (5) orang kontak terdekat yang mana ujian awal telah

menunjukkan kesemua kontak kes ini adalah negatif bagi COVID-19.

2. Dengan pengesanan kes ini, terdapat dua kes aktif sedang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan. Manakala jumlah kes yang telah disahkan sembuh ialah sebanyak **145 orang**.
3. Setakat ini, sebanyak 9 kes import telah disahkan sejak kes jangkitan tempatan terakhir dilaporkan pada 6 Mei 2020 yang mana dengan ini, Negara Brunei Darussalam telah mencatatkan 202 hari tanpa kes jangkitan tempatan COVID-19.
4. Pada hari ini, seramai **558** orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori di pusat-pusat pemantauan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan iaitu mereka yang baru tiba ke negara ini setelah melakukan perjalanan dari luar negara. Setakat ini, seramai **8,287** orang telah menamatkan pengasingan diri mandatori di kemudahan-kemudahan berkenaan.

5. Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak **284** sampel telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada **75,916** ujian.

6. Di sini, Kementerian Kesihatan ingin mengingatkan orang ramai untuk mengamalkan tanggungjawab sosial masing-masing dengan mengamalkan kebersihan diri, etika bersin yang betul, digalakkan memakai sungkup muka (*face mask*) apabila berada di tempat-tempat awam yang penuh sesak dan jika merasa kurang sihat, tidak menghadiri diri ke tempat-tempat awam dan majlis-majlis keramaian.

7. Orang ramai adalah masih dikehendaki untuk mematuhi segala peraturan dan arahan yang berkaitan dengan pengurangan langkah-langkah penjarakan sosial yang telah dikeluarkan dan masih berkuatkuasa pada masa ini seperti menggunakan aplikasi BruHealth dan mengimbas kod QR setiap kali apabila masuk dan keluar dari premis-premis terutama sekali di tempat-tempat awam seperti gedung-gedung perniagaan, kedai-kedai runcit, restoran-restoran, establismen kecantikan, kedai gunting dan

lain-lain. Pengurus-pengurus premis perniagaan adalah juga diingatkan untuk memaparkan QR kod di tempat-tempat masuk masing-masing. Orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengambil serius penggunaan applikasi BruHealth terutama sekali dalam mengimbas QR kod ini kerana ia adalah penting dalam membantu Kementerian Kesihatan melaksanakan pengesanan kontak (*contact tracing*) dengan segera, jika berlaku sebarang penularan jangkitan.

8. Sesiapa yang didapati melanggar atau ingkar akan mana-mana arahan yang telah dikeluarkan semasa pandemik COVID-19 ini maka ianya adalah menjadi satu kesalahan di bawah Akta Penyakit Berjangkit (Penggagal 204) yang mana jika didapati bersalah boleh dikenakan denda kompaun sehingga \$5,000 atau boleh didakwa ke mahkamah yang membawa denda sehingga \$10,000 atau penjara sehingga tempoh 6 bulan atau kedua-duanya sekali. Kementerian ini tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap sesiapa yang tidak mematuhi arahan-arahan yang telah dikeluarkan.

9. Kementerian Kesihatan akan terus memantau situasi wabak di dalam negara serta di peringkat serantau dan global serta melaksanakan penilaian risiko secara berterusan bagi mempertimbangkan pengurangan langkah-langkah seterusnya.

10. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

- TAMAT -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 8 Rabiulakhir 1442H / 24 November 2020